

**SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pagar keselamatan di sempadan Sarawak/Kalimantan Indonesia akan dibina.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan berkaitan cadangan pembinaan pagar dan tembok di sepanjang 1,032 km lebuh raya dekat sempadan dari Kompleks CIQ Biawak di selatan negeri Sarawak sehingga ke Lawas di bahagian utara Sarawak adalah diselaraskan oleh dengan izin, pihak *Ministry of Infrastructure and Port Development Sarawak* (MIDP) di bawah bidang kuasa menterinya, mendiang YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut ak Masing, Timbalan Ketua Menteri II, Sarawak bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya Sarawak.

Perkara ini masih sedang dikaji dan dibincangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bersama agensi-agensi Persekutuan yang berkaitan. Cadangan projek ini masih dalam fasa perancangan dan kajian di peringkat Kerajaan Negeri Sarawak. Satu kajian terperinci untuk mengenal pasti jalan-jalan yang akan dibangunkan sebagai jalan perhubungan strategik sepanjang sempadan Sarawak ke Kalimantan Barat sedang dilaksanakan oleh JKR Negeri Sarawak dan pihak MIDP Sarawak. Sekian, terima kasih.